



## KELAYAKAN:

Untuk layak menerima perlindungan di bawah polisi ini:

1. Anda mestilah seorang pengguna berdaftar aplikasi MOEVD dan, berumur 18 tahun ke atas;
2. Mana-mana orang yang diinsuranskan di bawah polisi ini mestilah berumur 65 tahun dan ke bawah;
3. Anda mesti menempah kenderaan e-hailing (*tidak termasuk Kenderaan E-hailing yang ditempah secara carter*) melalui aplikasi e-hailing ini dan menerima polisi Insurans Kereta E-Hailing Mride;
4. Anda mestilah seorang warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia, atau memiliki pas pekerjaan / pas tanggungan yang sah;
5. Anda, pasangan dan/atau anak-anak anda mesti mengikuti perjalanan bersama semasa perjalanan e-hailing bagi membolehkan perlindungan dilanjutkan kepada pasangan dan/atau anak-anak anda; dan
6. Anda tidak boleh terlibat dalam mana-mana pekerjaan berikut:
  - a. Kakitangan ketenteraan termasuk angkatan bersenjata, perkhidmatan tentera laut atau udara atau operasi;
  - b. Polis, kakitangan keselamatan termasuk pasukan pengaman;
  - c. Ahli sukan profesional apabila orang yang diinsuranskan boleh atau mungkin memperoleh pendapatan atau imbuhan kerana terlibat dalam sukan tersebut.
  - d. Juruterbang atau krew mana-mana pesawat udara atau kapal laut; dan
  - e. Kerja atau aktiviti luar pesisir termasuk kerja pelantar minyak.

### Nota penting:

Jika anda menerima polisi Insurans Kereta E-Hailing Mride, sila maklum bahawa:

1. Syarat-syarat di atas mestilah sentiasa dipenuhi oleh orang yang diinsuranskan untuk layak menerima perlindungan di bawah polisi ini.
2. Ringkasan terma dan syarat utama boleh dirujuk dalam Risalah Pendedahan Produk bersama dengan Ungkapan Polisi yang terdapat di bahagian 'Tab Insurans' Aplikasi MOEVD.